

## PERSEDIAAN PELAKSANAAN

Pengurus Sumber Manusia, Pentadbir Sistem dan Pemilik Kompetensi perlu mengambil tindakan berikut sebelum submodul ini dilaksanakan.

- Melengkapkan maklumat asas Unit Organisasi, Aktiviti Organisasi, Sandangan dan Profil Perkhidmatan;
- Menetapkan peranan terlibat dalam proses Sasaran Kerja Tahunan;
- Menetapkan pegawai penilai bagi pemilik kompetensi; dan
- Melengkapkan aliran kerja proses penilaian prestasi.

### NOTA :

Maklumat terperinci boleh dirujuk dalam panduan pelaksanaan dan panduan pengguna Modul Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT)



Change Management HRMIS JPA



hrmis2all



# MODUL LAPORAN PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT)



## HRMIS

PORTAL RASMI HRMIS

SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT SUMBER MANUSIA

[www.eghrmis.gov.my](http://www.eghrmis.gov.my)

Sila layari untuk mengetahui sebarang makluman dan aktiviti semasa HRMIS

Hubungi Kami :

Jabatan Perkhidmatan Awam  
Malaysia

BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN  
MAKLUMAT STRATEGIK

TEL : 03 8321 1400  
EMAIL : [hrmis\\_helpdesk@jpa.gov.my](mailto:hrmis_helpdesk@jpa.gov.my)  
WEB : [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)



## PENERANGAN UMUM

Submodul Laporan Penilaian Prestasi merupakan salah satu submodul di bawah Modul Pengurusan Prestasi aplikasi HRMIS. Submodul ini dibangunkan bagi memenuhi keperluan meningkatkan kecekapan pengurusan LNPT daripada penggunaan secara manual kepada elektronik. Semua dasar dan peraturan pengurusan sistem penilaian prestasi yang sedang berkuat kuasa adalah tidak berubah.

Submodul ini mengandungi proses di mana Pemilik Kompetensi boleh menyelenggara penilaian prestasi bagi dirinya dan pegawai di bawah seliannya.

## FAEDAH

Faedah yang boleh diperolehi daripada pelaksanaan submodul ini adalah:

- Membolehkan pemilik kompetensi menyelenggara LNPT secara dalam talian;
- Menyeragamkan proses LNPT sektor awam; dan
- Proses LNPT lebih mudah, cepat dan sistematik secara layan diri.

## PERANAN YANG DISEDIKAN DALAM MODUL LNPT

Dalam melaksanakan Submodul Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) ini, peranan berikut diperkenalkan:

- Pemilik kompetensi;
- Pegawai Penilai Pertama (PPP);
- Pegawai Penilai Kedua;
- Urus setia Panel Pembangunan Manusia;
- Panel Pembangunan Sumber Manusia.

## FUNGSI YANG DISEDIKAN DALAM MODUL LAPORAN PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN

Membolehkan pengguna melaksanakan fungsi berikut:

- Mengemaskini kegiatan dan sumbangan di luar tugas rasmi
- Mengemaskini senarai program/ kursus/ seminar yang telah dihadiri
- Mengemaskini senarai program/ kursus/ seminar yang diperlukan untuk tahun berikutnya
- Menilai dan mengesahkan kriteria prestasi PYD bergantung kepada senarai kriteria